

CLERON TABLET

Clarithromycin (500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Cleron tablets
2. Bagaimana Cleron tablets berfungsi
3. Sebelum menggunakan Cleron tablets
4. Cara menggunakan Cleron tablets
5. Semasa menggunakan Cleron tablets
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Cleron tablets
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor siri

Apakah kegunaan Cleron tablets

Cleron tablets digunakan untuk merawat jangkitan seperti:

- Jangkitan saluran pernafasan (faringitis, bronkitis, radang paru-paru)
- Otitis media akut (jangkitan telinga tengah)
- Jangkitan kulit dan tisu (impetigo, folikulitis, selulitis, bengkak yang bernanah)
- Jangkitan oleh *mycobacterium* (sejenis kuman)

Bagaimana Cleron tablets berfungsi

Cleron tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dikenali sebagai antibiotik "macrolide".

Antibiotik membunuh atau menghentikan pertumbuhan bakteria (kuman) yang menyebabkan jangkitan.

Sebelum menggunakan Cleron tablets

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda tahu bahawa anda **alah** terhadap clarithromycin, antibiotik macrolide yang lain seperti erythromycin atau azithromycin, atau terhadap kandungan lain dalam tablet.
- Jika anda mengambil ubat yang dikenali sebagai pil ergotamine atau dihydroergotamine atau menggunakan alat sedut ergotamine untuk migrain semasa mengambil Cleron tablets. Dapatkan nasihat doktor tentang ubat alternatif.
- Jika anda sedang mengambil ubat yang dikenali sebagai terfenadine atau astemizole (digunakan untuk demam alergi atau alahan) atau cisapride (untuk gangguan perut) atau pimoziide (untuk masalah mental) semasa mengambil Cleron tablets, kerana gabungan ubat tersebut kadang-kala boleh menyebabkan gangguan yang serius terhadap degupan jantung. Dapatkan nasihat doktor tentang ubat alternatif.

Mengandung dan menyusukan anak

Jika anda hamil, berfikir anda hamil, atau menyusukan anak, dapatkan nasihat daripada doktor sebelum mengambil Cleron tablets kerana keselamatan Cleron tablets dalam kehamilan dan penyusuan bayi tidak diketahui.

Cleron tablets tidak boleh digunakan semasa hamil melainkan potensi manfaat melebihi potensi risiko kepada janin.

- Sebelum menggunakan Cleron tablets

Memberi perhatian dengan Cleron tablet

- jika anda mempunyai masalah hati atau buah pinggang
- jika anda menggunakan clarithromycin dalam jangka masa yang panjang atau berulang kali.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang menggunakan ubat lain atau telah menggunakan ubat yang lain baru-baru ini, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi. Ini adalah penting terutamanya jika anda mengambil ubat untuk;

- masalah jantung (contohnya digoxin, disopyramide).
- pencairan darah (contohnya warfarin).
- migrain (contohnya ergotamine atau dihydroergotamine)
- epilepsi (carbamazepine atau phenytoin)
- kolesterol yang tinggi (contohnya lovastatin)

Atau jika anda

- mengambil ubat yang dikenali sebagai;
- theophylline (digunakan untuk asma)
- terfenadine atau astemizole (untuk demam alergi atau alahan)
- triazolam atau midazolam (sedatif)

- cisapride (untuk gangguan perut)
- cyclosporin (mengurangkan sistem imun)
- pimoziide (untuk masalah mental)
- zidovudine (untuk rawatan jangkitan virus)

Cara menggunakan Cleron tablets

- Berapa banyak harus digunakan

Sentiasa mengambil Cleron tablets seperti yang diberitahu oleh doktor anda. Anda harus rujuk dengan doktor atau ahli farmasi anda jika tidak pasti. Dos biasa bagi Cleron tablets untuk orang dewasa ialah 250 mg dua kali sehari selama 6 hingga 14 hari, doktor anda boleh meningkatkan dos kepada 500 mg dua kali sehari untuk jangkitan teruk.

- Bila perlu digunakan

Dos yang disyorkan ialah setiap 12 jam, contohnya satu tablet 250 mg pada waktu pagi dan satu tablet pada awal petang. Cleron tablets harus ditelan dengan sekurang-kurangnya setengah gelas air.

- Berapa lama perlu digunakan

Biasanya tempoh rawatan bagi orang yang mempunyai masalah buah pinggang ialah 5-10 hari, ini bergantung kepada patogen yang terlibat dan tahap keadaan. Rawatan untuk faringitis yang disebabkan oleh streptococcus sekurang-kurangnya mengambil 10 hari.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk mengambil Cleron tablets, ambil tablet sebaik sahaja anda mengingatinya.

Jangan mengambil lebih daripada yang diarahkan oleh doktor anda.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda secara tidak sengaja terlebih ambil Cleron tablets dalam satu hari daripada yang diarahkan oleh doktor anda, atau jika kanak-kanak secara tidak sengaja telah menelan beberapa tablet, hubungi doktor anda atau jabatan kecemasan hospital terdekat dengan segera. Cleron tablets yang berlebihan mungkin menyebabkan muntah-muntah dan sakit perut.

Semasa menggunakan Cleron tablets

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Cleron tablets. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil Cleron tablets, walaupun anda berasa lebih baik. Ia adalah penting untuk mengambil tablet selagi diarahkan oleh doktor anda, jika tidak masalah mungkin kembali. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan memberi Cleron tablets kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera, Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Cleron tablets boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya.

- reaksi alahan yang jarang berlaku yang dipanggil *Stevens-Johnson syndrome/toxic epidermal necrolysis* (reaksi kulit yang teruk seperti lepuh pada kulit, mulut, bibir, mata dan genital)
- masalah perut seperti rasa loya, muntah, sakit perut atau cirit-birit
- sakit kepala
- radang mulut atau lidah
- perubahan dalam deria rasa
- pening
- kesukaran tidur dan mimpi ngeri
- keresahan, kekeliruan, halusinasi (melihat benda)
- masalah hati

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550 atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers* → *Reporting*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Cleron tablets

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 25°C.
Jauhi daripada kanak-kanak.
Jangan guna tablet selepas tarikh luput seperti yang tertera pada kotak dan pek lepuh.
Simpan di tempat yang kering, selamat, dilindungi daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Tanya kepada ahli farmasi anda cara untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak diperlukan lagi. Langkah ini membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Cleron 500 tablet adalah berwarna kuning, bujur dan bergores pada sebelah permukaan.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:
Clarithromycin
- Bahan tidak aktif:
Povidone, sodium starch glycolate, microcrystalline cellulose, starch, stearic acid, magnesium stearate, talc, colloidal silicon dioxide, quinoline yellow lake

- Nombor MAL

MAL07031059AZ

Pengilang

Delorbis Pharmaceuticals Ltd
17 Athinon Street,
Ergates Industrial Area,
2643 Ergates, 2081
Lefkosia
Cyprus, European Union.

Pemegang Pendaftaran Produk

Apex Pharmacy Marketing
Sdn Bhd
No. 2, Jalan SS13/5,
47500 Subang Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

24/06/2015

Nombor siri

BPFK(R4/1)260615/00168